

06 OCT 1999

Mahathir-pilihan raya

PILIHAN RAYA BELUM DITETAPKAN WALAUPUN KEDUDUKAN BN BAIK

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata suasana politik sekarang ini memihak kepada Barisan Nasional tetapi beliau belum membuat keputusan untuk mengadakan pilihan raya umum pada masa ini.

"Saya tak tahu sama ada saya akan mengadakan pilihan raya atau tidak, saya belum buat keputusan," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya dari lawatan ke Amerika Syarikat, Britain dan Zimbabwe.

Beliau diminta mengulas spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan pada bila-bila masa sehinggakan pasaran saham tempatan terpengaruh dengan khabar angin itu.

Semalam, Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur naik 4 peratus dan ada pihak berpendapat ia disebabkan oleh spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan.

"Pasaran saham naik turun akibat pelbagai ura-ura, mungkin pilihan raya baik untuk mereka, jadi mereka mahukan indeks naik," katanya.

Perdana Menteri berkata sokongan kepada BN kini begitu kuat kerana rakyat mahu ia menang dengan majoriti besar untuk menjamin negara sentiasa stabil.

Kestabilan di negara ini penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berjalan lancar.

"Barisan (Nasional) telah membuktikan kita mampu mengurus ekonomi negara ini termasuk semasa satu krisis ekonomi luar biasa, krisis yang menyebabkan kebanyakan negara sukar untuk mengendalikannya dan terpaksa bergantung kepada bantuan luar," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN telah menangani pemulihannya sendiri di Malaysia dan ia merupakan pemulihan yang kukuh.

"Keadaan memang sentiasa sesuai untuk mengadakan pilihan raya, sebaik-baik selepas pilihan raya lepas juga kita boleh mengadakan pilihan raya kerana suasana ketika itu juga sesuai tetapi ia tidak semata-mata bergantung kepada suasana sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa semasa lawatannya ke Amerika Syarikat baru-baru ini, beliau dapati rakyat negara itu juga terlalu dihantui dengan hukuman penjara terhadap wartawan Kanada oleh mahkamah Malaysia sehingga ke tahap mereka mengancam tidak akan ada pelaburan di Malaysia.

"Ancaman-ancaman itu dibuat oleh sebilangan rakyat dan beberapa orang wartawan di sana yang dengan jelas berharap hukuman penjara terhadap wartawan itu akan menamatkan semua pelaburan Amerika di Malaysia," katanya.

Murray Hiebert dari Far Eastern Economic Review, dihukum penjara kerana menghina mahkamah melalui berita yang ditulisnya dalam majalah itu.

Perdana Menteri berkata beliau yakin pelabur dan ahli perniagaan di Amerika sangat berminat membabitkan diri dalam ekonomi Malaysia berdasarkan bukti hasil lawatannya ke Lucent Technologies, yang berpandangan positif mengenai Koridor Raya Multimedia.

"Pandangan masyarakat perniagaan berbeza dengan pendapat wartawan. Nampaknya para wartawan tidak sukakan kita dan mahu membuat laporan yang tidak memihak kepada kita supaya ekonomi kita terjejas, supaya tidak ada pelancong datang ke sini dan para pelabur tidak membuat pelaburan," katanya.

Malah, Dr Mahathir berkata, seorang daripada wartawan Amerika bertanyakan tidakkah beliau merasa malu kerana telah memenjarakan seorang wartawan Barat.

"Saya terpaksa menjawab bahawa saya tidak membuat perbandingan antara wartawan Barat dan Timur," katanya.

Perdana Menteri meminta mereka supaya menentukan apa yang harus diberi keutamaan seperti memberi perhatian kepada pembunuhan ramai orang di seluruh dunia.

"Nasib mereka memerlukan perhatian lebih besar daripada golongan yang dapat membantu seperti negara-negara kuasa besar, berbanding nasib seorang wartawan yang dihukum penjara selama hanya enam minggu," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Amerika heboh mengenai hukuman penjara itu seolah-olah wartawan Barat tidak harus dipenjarakan dan dengan jelas bermaksud wartawan Timur atau Asia boleh dipenjarakan.

"Mereka terus menerus mengulangi soalan yang sama berulang kali di mana sahaja saya pergi tetapi semasa saya ke Eropah dan tempat lain, tiada siapa bertanya soalan ini," katanya.

Malaysia tidak mengamalkan diskriminasi dan setiap orang adalah sama di sisi undang-undang termasuk Yang di-Pertuan Agong, katanya.

-- BERNAMA
AFY LAT MAI